

Curi pasir bukan baru

Sinar Harian 14/07/2010

M/S 324


Sengaja cari salah pentadbiran Kerajaan Negeri

DENGKIL - Isu korek pasir bukan isu baru malah telah lama di jalankan di sekitar Mukim Dengkil ini oleh kerajaan yang terdahulu memerintah Selangor.

Penduduk, Yaakob Hitam berkata, ada pihak-pihak tertentu sengaja memainkan isu berkenaan kerana aktiviti tersebut kini tidak memberikan keuntungan kepada mereka.

Menurutnya, pihak berkenaan sengaja mencari salah pentadbiran Kerajaan Negeri sedangkan pada zaman pemerintahan kerajaan negeri sebelum ini, sudah banyak lokasi dan kawasan dikorek sepuasnya.

"Kini Kerajaan Negeri mengambil alih pentadbiran serta melantik Kumpulan Semesta Sendirian Berhad (KSSB) sebagai pengendali



■ Salah satu pusat perlombongan pasir yang sedang giat beroperasi di Dengkil.

lombong pasir.

"Semasa zaman pemerintahan BN suatu ketika dahulu aktiviti korek pasir dijalankan secara berleluasa tanpa campur tangan Kerajaan Negeri.

"Negeri kerugian berbilion ringgit oleh tindakan

pemaju menjual pasir tanpa memberikan hasil kepada rakyat menerusi Kerajaan Negeri," katanya.

Seorang lagi penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Razak berkata, suatu masa dahulu semasa zaman

pemerintahan Kerajaan Negeri yang sebelum ini, penduduk Kampung Bukit Changgang pernah memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menjadikan sebahagian dari kawasan hutan simpan sebagai kampung mereka.

Malang sekali, permohonan penduduk tidak dilayan sebaliknya kerja mengambil pasir giat dijalankan yang menguntungkan pihak-pihak tertentu.

"Isu ini isu lama, cuma baru kini ia dibangkitkan selepas aktiviti tersebut tidak memberikan keuntungan kepada pihak tertentu, sebenarnya isu ini telah lama dan memang telah banyak kawasan di negeri ini khususnya di mukim Dengkil dikorek, bezanya, ialah oleh kepimpinan dan pentadbiran yang baru," katanya.

Berita ringkas

■ BUKIT CHANGANG

Aktiviti dihentikan selepas pendedahan

Aktiviti korek pasir di satu lokasi di RTB Bukit Changgang Mukim Tanjung 12 di sini, dihentikan serta-merta ekoran terdapat beberapa laporan media berkenaan projek pasir di sekitar kawasan Dengkil di sini kelmarin.

Tinjauan SH di lokasi korek pasir RTB Bukit Changgang mendapati, puluhan jentera yang digunakan untuk kerja mengorek pasir di sini tidak lagi beroperasi sebaliknya keluar meninggalkan kawasan perlombongan pasir.

Ketua Perhubungan Rela Mukim Tanjung 12, Jamil Ibrahim berkata, beliau melihat jentera-jentera berkenaan mula meninggalkan kawasan perlombongan sejak malam kelmarin.

Menurutnya, pihak rela

diarah melakukan pemantauan oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKK) untuk mengawasi aktiviti mengorek pasir di kawasan berkenaan.

Sementara itu, sekurang-kurangnya sepuluh lagi jentera yang digunakan diletakkan kira-kira 2 kilometer dari lokasi projek dan dikatakan akan dipindahkan selepas lokasi berkenaan ditutup.

Aktiviti di pusat perlombongan berkenaan sentiasa dipantau sekumpulan lelaki yang dipercayai tonto.

Kelmarin media melaporkan pendedahan bekas Menteri Besar Selangor mengenai projek pasir berhampiran Paya Indah Wetland dikatakan bakal mengancam negeri ini kerana banyak kawasan berlubang.